



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	13/11/2019	MUKA SURAT	: 47
JABATAN	:	JPS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Susunan hakisan pantai di Tanjung Bidara

# Penduduk lega tembok penahanan ombak dibina

Kerajaan negeri lulus peruntukan tangani masalah

Oleh Hassan Omar  
bhnews@bh.com.my

**Alor Gajah:** Seramai 30 orang membabitkan lima keluarga yang diancam hakisan pantai serius di Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara, di sini sejak Julai lalu menarik nafas lega apabila kerja membina tembok penahan ombak dimulakan semalam.

Jentera pengorek kontraktor bertanggungjawab membina tembok berkenaan melalui kaedah 'batu lapis lindung' atau *rock revetment* mengubahi keresahan mereka berikutan hakisan itu menyebabkan dapur dua daripada rumah berkenaan rosak.

Azlan Idris, 58, berkata dia bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana meluluskan peruntukan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk membina tembok itu.

"Hanya Tuhan yang tahu betapa bimbangannya kami dengan masalah hakisan yang semakin serius mengakhiri dapur rumah saya rosak teruk sejak Ogos lalu. Saya berharap kerja membina tembok itu dapat segera disiapkan," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, semalam.

Media sebelum ini melaporkan lima kediaman itu diancam hakisan pantai serius apabila angin selatan bertumpu kencang pada Julai lalu dan menyebabkan keretakan struktur dapur rumah penduduk terbabit.

Roslani Daud, 62, berkata penghuni kelima-lima kediaman terbabit turut berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana me-



Keratan akhbar BH 9 Oktober lalu.

nyediakan peruntukan dalam tempoh tiga bulan selepas hakisan mula dikesan pada Ogos lalu.

"Alhamdulillah, kami berasa amat lega dan berharap masalah

hakisan mampu dikurangkan apabila ia siap kelak," katanya.

Pengarah JPS Melaka, Abdul Hakim Hamzah, berkata projek berkenaan dilaksanakan melalui



**Saya bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana meluluskan peruntukan kepada JPS untuk membina tembok berkenaan.**

Azlan Idris,  
Penduduk

sebut harga RM396,660 dengan tempoh menjajapkannya empat minggu.

"Pantang tembok itu ialah 115 meter dan tidak membolehkan kerja membina benteng pemecah ombak atau *groynes* yang mengangjur dari pantai ke dalam laut," katanya ketika dihubungi.